

# Alam Wanita

## Soal Berbilang Isteri dalam Islam

(6)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang ((digantung tidak bertali)), masalah beristeri lebih dari satu atau ((poligami)), dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya:

*“Bayt al-ṭā‘ah wa ta‘addud al-zawjāt, wa al-ṭalāq fī al-Islām”*

Huraiannya yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah itu yang sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lalu, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz), dan mulai siaran yang ke-4 dan seterusnya, pengarangnya, menghuraikan pula masalah yang kedua – soal berbilang isteri dalam Islam.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Jawapan-jawapan kita terhadap tuduhan-tuduhan dusta

dua ayat suci dari surat al-Nisā’.

yang mengatakan bahawa al-Qur’ān mengharamkan berbilang isteri

Salah satunya ialah firman Allah Ta‘ālā:

Dalam zaman kita ini, telah timbul pula satu

*“Wa in khiftum alla tuqṣītū fi al-yatāmā fa inkihū*

puak daripada anak-anak Islam kita – lelaki dan

*mā ṭāba lakum min al-nisā’ i mathnā wa thulātha wa rubā’, fa in*

perempuan, cuba hendak menundukkan kaerah-kaerah Islam

*khiftum alla ta‘dilū fa wāhidatan aw mā malakat aymānukum, dhālikā*

sehingga bersesuaian dengan peraturan-peraturan Barat, lalu

*adnā alla ta‘ūlū.” (3, surat al-Nisā’).*

mereka memesangkan Kalam Allah (kandungan ayat-ayat suci

Ertinya: “Dan jika kamu takut, bahawa kamu

al-Qur’ān) daripada maksudnya yang sebenarnya, memaknakkannya

tidak akan dapat berlaku adil dalam (perkahwinan kamu

dengan pengertian yang salah. Mereka mengatakan bahawa al-Qur’ān

dengan) anak-anak yatim, maka berkahwinlah dengan beberapa

sendiri telah mengharamkan perbuatan berbilang-bilang isteri.

perempuan yang kamu sukai: dua, dan tiga, dan

Mereka mengemukakan dalil tentang yang demikian itu. Dengan

empat. Tetapi jika kamu takut bahawa kamu tidak akan

dapat berlaku adil, maka berkahwinlah dengan seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih hampir supaya kamu terjauh daripada melakukan aniaya.”

Dan ayat yang satu lagi ialah firman Allah Ta‘ālā:

*Wa lan tastaṭī‘ū an ta‘dilū bayna al-nisā‘i wa law ḥaraṣṭum fa lā tamīlū kulla al-mayli fa tadharūhā ka al-mu‘allaqah, wa in tuṣlihū wa tattaqū fa inna Allāha kāna ghafūran rahīmā.* (126, sūrat al-Nisā’).

Ertinya: “Dan kamu tidak akan sekali-kali akan sanggup berlaku adil di antara perempuan-perempuan, walaupun kamu bersungguh-sungguh hendak melakukannya, maka janganlah kamu cenderung sehabis-habis cenderung (berat sebelah pada mencintai seorang isteri yang tertentu) sehingga kamu meninggalkan dia (isteri yang lain) seperti satu benda yang tergantung (yang terbiar seolah-olah ia tidak bersuami). Tetapi jika kamu berlaku baik dan bertakwa (menjauhkan diri dari larangan-Nya) maka sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Amat Mengasihani.”

Mereka berkata ketika mentafsirkan kedua-dua ayat ini, bahawa Allah Ta‘ālā telah mengharuskan di dalam ayat yang pertama akan perbuatan berbilang isteri, tetapi telah disyaratkan oleh-Nya hendaklah seseorang itu berlaku adil di antara sekalian isterinya. Selepas itu Tuhan telah menyatakan dalam ayat yang kedua, bahawa keadilan yang tersebut tidak akan dapat dilakukan dan mustahil. Jadi natijahnya menurut keterangan yang mereka kemukakan itu, bahawa perbuatan berbilang isteri adalah haram. Yakni menurut kata-kata yang lain, bahawa Allah Ta‘ālā berkehendak mengharamkan perbuatan berbilang isteri, tetapi ia

tidak menyebutkan larangan yang tegas tentang haramnya bahkan sebagai gantinya telah menyebutkan bahawa perbuatan berbilang isteri itu harus apabila si suami sanggup berlaku adil, lalu dinyatakan bahawa keadilan itu tidak dapat dilakukan menurut tabiat semula jadi manusia dan tidak dapat diwujudkan sama sekali.

Ini ialah setinggi-tinggi perkara yang dapat dicapai oleh perbuatan berani (ceroboh) pada memesongan Kalam Allah dan memaknakkannya menurut makna yang salah serta menukar hukum-hukum syariat Islam. Sedangkan kedua-dua ayat suci tersebut adalah sebalik apa yang mereka maknakan. Kedua-dua ayat itu – yang sebenarnya – meringankan dari syarat-starat yang lazim untuk mengharuskan perbuatan berbilang isteri, dan meluaskan kepada manusia akan *rukhsah* (perkara yang diizinkan) itu seluas-luasnya.

Di dalam ayat yang pertama, Allah Ta‘ālā berfirman (maksudnya):

“Dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan

# ‘Āisyah

al-Ṣiddīqah bint al-Ṣiddīq

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Dua penggal tamat. Sepenggal \$1.00

Belanja mengirimnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura**

dapat berlaku adil dalam perkahwinan kamu dengan anak-anak yatim, maka berkahwinlah dengan beberapa perempuan yang kamu suka: dua, tiga, dan empat. Tetapi jika kamu takut bahawa kamu tidak akan dapat berlaku adil, maka berkahwinlah dengan seorang isteri sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih hampir supaya kamu terjauh daripada melakukan aniyaya.”

Ayat ini memberi pengertian, bahawa Allah Ta‘ālā telah mengharuskan bagi seseorang lelaki mempunyai lebih daripada seorang isteri yang berakad nikah dengannya, dan jumlah bilangan itu hendaklah jangan melebihi daripada empat orang isteri. Tetapi ayat ini telah mensyaratkan di dalam jumlah bilangan yang tersebut si suami itu berlaku adil di antara sekalian isterinya, dan hendaklah ia percaya kepada diri sendiri bahawa ia sanggup melakukan keadilan itu. Jika ia takut bahawa ia tidak akan dapat melakukannya, hendaklah ia berpada dengan seorang isteri sahaja, ataupun berpada menggunakan hamba-hamba perempuan yang dimilikinya.

Tetapi apa dia keadilan yang telah diwajibkan oleh Allah kepada si suami supaya dilaksanakannya di antara isteri-isterinya, dan diperintahkan dalam masa ia berkeadaan tidak sanggup melakukannya hendaklah ia berpada dengan seorang isteri sahaja, atau hendaklah ia menggunakan hamba-hamba perempuan yang dimilikinya? Adakah keadilan itu hanya terhad pada perkara-perkara yang dapat dilakukan oleh si suami itu menurut keadaan tabiat semula jadinya sebagai seorang manusia, iaitu dapat melakukan keadilan di antara isteri-isterinya dalam perkara-perkara yang berhubung dengan makan minum, pakaian dan tempat tinggal, dan

giliran bermalam serta waktu yang dihabiskan oleh seorang suami bersama-sama dengan tiap-tiap seorang dari isteri-isterinya itu, atau adakah keadilan itu meliputi juga perkara-perkara yang tidak akan dapat dilakukan menurut keadaan tabiat semula jadinya sebagai seorang manusia untuk berlaku adil dalamnya, seperti kecenderungan hati, perasaan kasih sayang, dan segala yang bersangkutan paut dengannya dari kesan-kesan perhubungan yang khas di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan?

Telah nyata diketahui, bahawa seseorang suami itu sanggup berlaku adil dalam perkara-perkara yang berupa kebendaan, yang berhubung dengan makan minum, pakaian, tempat tinggal, dan giliran bermalam serta pembahagian waktu di antara isteri-isterinya, dan sebagainya. Tetapi ia tidak akan dapat berlaku adil di antara mereka dalam perkara-perkara yang berhubung dengan jiwa dan hati: ia tidak akan sanggup dan tidak ada jalan untuknya supaya peringkat kasih sayangnya kepada tiap-tiap seorang isterinya bersamaan dengan tiap-tiap seorang isterinya yang lain, dan tidak akan dapat menjadikan kecenderungan hatinya kepada tiap-tiap seorang isterinya bersamaan dengan kecenderungan hatinya kepada tiap-tiap seorang isterinya yang lain. Ia juga tidak akan dapat melaksanakan persamaan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan perasaan kasih sayang dan kecenderungan hati, seperti perkara perhubungan yang khas di antara lelaki dengan perempuan, kerana semua perkara yang tersebut ialah dari perasaan dan hati, sedang perkara perasaan dan hati serta segala yang berhubung dengannya, tidak ada seorang manusia pun yang sanggup menguasainya. Oleh itu adakah keadilan yang telah diwajibkan Allah kepada seseorang suami supaya dilaksanakannya kepada isteri-isterinya terhad pada perkara-perkara yang dapat dilakukan

keadilan di dalamnya, ataupun meliputi segala segi hingga perkara-perkara yang tidak dapat dilakukan keadilan di dalamnya?

Tidak termasuk pada akal, bahawa Allah ‘Azza wa Jalla memberati kaum lelaki supaya berlaku adil kepada isteri-isteri mereka dalam perkara kasih sayang dan kecenderungan hati. Kerana perkara-perkara itu sebagaimana yang kita terangkan, tidak dapat manusia berlaku adil di dalamnya. Tidak juga termasuk pada akal bahwa Allah Ta‘ālā memberati kaum lelaki dengan perkara-perkara yang tidak akan sanggup mereka melakukannya menurut keadaan tabiat kemanusiaan mereka yang semula jadi. Allah Subhānahu wa Ta‘ālā tidak memberati diri manusia melainkan dengan perkara-perkara yang mereka sanggup melakukannya. Tentang ini Allah Ta‘ālā berfirman:

“*Lā yukallifū Allāhu nafsan illa wus‘ahā.*” (286, sūrat al-Baqarah).

Ertinya: “Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar yang terdaya olehnya.”

Dan firman-Nya lagi:

“*Lā yukallifū Allāhu nafsan illā mā atāhā*”. (7, sūrat al-Talāq).

Ertinya: “Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar apa yang diberikan kepadanya.”

Adapun perkara yang termasuk pada akal itu ialah bahawa keadilan yang diberati mereka menjalankannya kepada isteri mereka hendaklah terhad pada perkara-perkara yang berupa kebendaan, seperti makan minum, pakaian dan tempat tinggal, serta giliran bermalam dan lain-lain sebagainya dari perkara-perkara yang dapat dikuasai oleh seseorang dan sanggup pula manusia berlaku adil di dalamnya.

Hal inilah yang telah dihuraikan oleh Allah Ta‘ālā di dalam ayat yang kedua, firman-Nya:

“*Wa lan tastaṭī‘ū an ta‘dilū bayna al-nisā’i wa law haraṣṭum fa lā tamīlū kulla al-mayli fa tadharūhā ka al-mu‘allaqah*”.

Ertinya: “Dan kamu tidak akan sekali-kali akan sanggup berlaku adil di antara perempuan-perempuan, walaupun kamu bersungguh-sungguh hendak melakukannya, maka janganlah kamu cenderung sehabis-habis cenderung (berat sebelah pada mencintai seorang isteri yang tertentu) sehingga kamu membiarkan dia (isteri yang lain) seperti satu benda yang tergantung (yang terbiar seolah-olah ia tidak bersuami).

Makna ayat ini dengan lanjut: Bahawa seseorang suami tidak akan sanggup sama sekali untuk berlaku adil secara mutlak di antara isteri-isterinya walau bagaimana ia bersungguh-sungguh hendak melakukannya, kerana ada setengah perkara yang tidak dapat manusia menguasainya, seperti perasaan kasih sayang dan kecenderungan hati. Ia tidak akan dapat berlaku adil dalam perkara-perkara itu menurut keadaan tabiat semula jadinya sebagai seorang manusia. Kaum lelaki juga tidak diberati dalam perkara-perkara tersebut, kerana manusia tidak diberati melainkan dalam perkara-perkara yang sanggup dan terdaya mereka melakukannya. Tetapi kaum lelaki hanyalah diberati supaya berlaku adil di antara isteri-isteri mereka dalam perkara-perkara yang mereka sanggup melakukan keadilan di dalamnya, seperti makan minum, pakaian, tempat tinggal, nafkah, giliran bermalam, dan pembahagian waktu di antara isteri-isteri mereka. Oleh itu, tidak harus bagi seseorang suami berlaku zalim kepada salah seorang isterinya di dalam perkara yang tersebut, dan melayan dengan layanan yang kurang daripada yang dilakukan kepada isteri-isteri

yang lain. Tidak harus ia, disebabkan kurang kasihnya kepada seseorang isterinya, atau kurang kemahuannya terhadapnya, lalu berat sebelah dan berlaku anaya terhadap hak si isteri itu dalam perkara-perkara yang lain, yang dapat ia berlaku adil di dalamnya, dan membiarkannya seperti benda yang tergantung di antara suami dengan talak: ia tidak mendapat hak-haknya sebagai seorang isteri, dengan sempurna, dan tidak pula ia diceraikan supaya Allah mengurniakannya dengan limpah kurnia-Nya (mendapat jodohnya yang lain – P.).

Hal yang demikian itu telah juga ditafsirkan oleh Rasulullah dengan perbuatan dan sabda-sabdanya. Baginda sendiri telah membahagikan masa giliran di antara isteri-isterinya, dan berlaku adil dalam perkara-perkara yang dapat dilakukan keadilan di dalamnya. Baginda juga pernah bersabda:

*“Allahumma hadhā qasmī fī mā amlik, fā lā tū’ākhidhnī fī mā tamliku wa lā amlik.”*

Ertinya: “Ya Tuhan, inilah bahagianku dalam perkara yang aku miliki, maka janganlah Engkau – ya Tuhan – menyalahkan aku (mengenakan hukuman atasku) dalam perkara yang Engkau miliki dan yang aku tidak milikinya.”

Yang dimaksudkan oleh baginda: Dengan perkara yang dimiliki oleh Allah dan tidak dimiliki oleh hamba Allah ialah kecenderungan hati dan perasaan kasih sayang dan segala yang berhubung dengannya dari perkara-perkara perhubungan khas di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan.

Keadilan dengan makna ini – dan dengan makna ini sahaja – ialah yang pernah dilakukan oleh sahabat-sahabat Nabi sendiri (yang kebanyakannya berbilang isteri), dan yang pernah diperintahkan oleh Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

kepada mereka. Baginda mengharuskan mereka, di samping keadilan yang tersebut, berbilang isteri menurut had yang telah ditetapkan oleh Islam. Baginda tidak pula mengadakan seorang pengawas bagi mereka ketika mereka menjalankan keadilan, bahkan menyerahkan perkara itu kepada tanggungan dan hati kecil mereka.

Jelasnya, makna ayat itu ialah: Bahawa kamu tidak akan sanggup menjalankan keadilan secara mutlak di antara isteri-isteri kamu walau bagaimanapun kamu bersungguh-sungguh hendak melakukannya, dan kamu tidaklah diberati menjalankan keadilan yang secara mutlak itu, kerana tidak diberati melainkan pada perkara yang dapat dilakukan. Tetapi kamu hanyalah diberati berlaku adil dalam perkara-perkara yang dapat kamu berlaku adil di dalamnya. Oleh itu, tidak harus kamu cenderung dengan sehabis-habis cenderung (berpaling langsung) daripada salah seorang isteri kamu, yang tidak mendapat sebahagian besar perasaan kasih sayang kamu, lalu kamu berlaku zalim akan haknya dalam perkara-perkara yang berupa kebendaan itu, yang dapat kamu berlaku adil di dalamnya, lalu kamu membiarkannya seperti benda yang tergantung di antara perkahwinan dan perceraian. (Tidak merupakan seorang yang bersuami dan tidak pula merupakan seorang yang telah bercerai).

Daripada keterangan itu nyatahalah bahawa kedua-dua ayat suci yang tersebut menunjukkan sebalik apa yang dikatakan oleh golongan yang kita sedang bahas pendapat mereka, kerana kedua-dua ayat ini mengandungi hukum yang meringankan bagi syarat-syarat yang dimestikan untuk harusnya berbilang isteri, dan kemudahan bagi orang ramai dalam *rukhsah* (perkara yang diizinkan) ini.

Perkara yang menakjubkan, ialah bagaimana akal mereka

telah memberi faham kepada mereka, dan bagaimana mereka berkehendak menarik orang ramai supaya faham, bahawa al-Qur'an mengharuskan satu perkara dan mensyaratkan bagi harusnya satu syarat yang mustahil dilaksanakan, dan bahawa al-Qur'an sebagai ganti bagi mengharamkan perbuatan berbilang isteri dengan perintah yang tegas, ia pula menggunakan kata-kata yang sia-sia, yang tak patut dikeluarkan oleh orang-orang yang berakal, apalagi Kalam Allah 'Azza wa Jalla. "Subhānahu wa tā'ālā 'ammā yaqūlūna 'ulūwwan kabīrā". (Maha Suci Ia – Allah – dan Maha Tinggi Ia dengan Amat Tingginya, daripada apa yang mereka katakan).

Hakikat-hakikat ini telah diuraikan oleh *Faḍīlat al-Shaykh* Mahmoud Shaltut dengan huraian yang lengkap dan jelas, di dalam kitabnya (*Al-Islām 'aqīdah wa shar'iyyah*), muka 172 -175, katanya:

"Di antara perkara yang boleh dikatakan sangat menakjubkan, ialah fahaman yang telah diambil daripada ayat-ayat ini, bahawa ia menjadi dalil, bahawa perbuatan berbilang isteri bukan daripada hukum syarak, dengan alasan bahawa keadilan telah dijadikan syarat di dalamnya menurut ketetapan ayat yang pertama, dan ayat yang kedua pula telah menyatakan bahawa keadilan itu tidak akan dapat dilakukan sama sekali. Dengan demikian menjadikan makna kedua-dua ayat itu: Mengharuskan perbuatan berbilang isteri dengan syarat berlaku adil, sedang keadilan itu tidak dapat dilakukan sama sekali, maka dengan itu perbuatan berbilang-bilang isteri itu tidak harus."

"Telah jelas bahawa ini ialah satu perbuatan mempermain-mainkan ayat-ayat suci al-Qur'an, dan memesongkannya daripada makna yang sebenarnya. Tidaklah patut, Allah Ta'ālā yang memberi pertunjuk supaya seorang itu berkawin

dengan beberapa orang perempuan apabila orang itu takut berlaku zalim terhadap anak-anak yatim, dan menjadikan keadilan di antara isteri-isteri itu sebagai satu syarat dalam perkara berbilang isteri dengan gaya keterangan yang menunjukkan keadilan itu dapat dilakukan dan sanggup melakukannya, kemudian Allah pula berbalik menidakkann kesanggupan melakukan keadilan yang tersebut."

"Jika demikian, maka pengeluaran hukum daripada kedua-dua ayat itu, yang bersesuaian dengan kehormatan al-Qur'an dan rahsia hukum syarak, dan yang susunannya dan sebab turunnya ayat yang kedua memberi pertunjuk bahawa apabila disebutkan dalam ayat yang pertama: "*Fa in khiftum alla ta'dilū*" (Ertinya: Maka jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan sanggup berlaku adil) dan difaham daripadanya bahawa keadilan di antara isteri-isteri adalah wajib, dan segera terbayang kepada orang ramai bahawa keadilan yang secara mutlak itu dimaksudkan kepada maknanya yang penuh yang tidak dapat dilaksanakan melainkan persamaan dalam segala-galanya: baik yang dimiliki (dikuasai), dan yang tidak dikuasai. Maka dengan itu menjadikan orang-orang Islam dalam keadaan yang serba sukar, dan memang patut mereka berasa sukar, kerana keadilan menurut makna yang seperti itu, yang segera terbayang kepada fikiran mereka tidaklah akan dapat dilakukan sama sekali, kerana di dalamnya terdapat perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam perkara-perkara yang dapat dilakukan dengan usaha ikhtiar dan dengan bebasnya. Oleh sebab itu datanglah ayat yang kedua memberi pertunjuk kepada jenis keadilan yang diwajibkan oleh ayat yang pertama, dan mengangkat dari tanggungan mereka kesukaran yang tersebut, yang mereka fahamkan daripada firman-Nya yang berbunyi: "*Fa in khiftum alla ta'dilū . . .*" (Ertinya: Maka jika kamu takut, bahawa

kamu tidak akan dapat berlaku adil....).

“Seolah-olah dikatakan kepada mereka: Keadilan yang dituntut itu bukanlah dia sebagaimana yang kamu fahamkan, lalu sempit dada kamu untuk menerimanya, dan dengannya kamu berasa sukar dan serba salah akan perbuatan berbilang isteri yang telah diharuskan oleh Allah untuk kamu, dan dilapangkan-Nya dengan harusnya itu, tetapi keadilan yang dituntut itu ialah janganlah kamu cenderung dengan sehabis-habis cenderung kepada salah seorang isteri kamu dan membiarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (tidak merupakan seorang yang bersuami dan tidak pula merupakan seorang yang telah bercerai).”

“Ini ialah penjelasan Ilahi yang telah ditunggu-tunggu oleh orang-orang Islam sesudah turunnya ayat yang pertama, dan mereka mengambil faham daripadanya menurut apa yang mereka telah fahamkan. Pertunjuk yang menjadi panduan tentang ini ialah firman Allah Ta‘ālā dalam permulaan ayat yang kedua:

“*Wa yastaftūnaka fi al-nisā’i quli Allāhu yuṣṭikum fī hinn.....*”(127, sūrat al-Nisā’).

Ertinya: “Dan mereka meminta keterangan kepadamu berkenaan dengan perempuan-perempuan, katakanlah, Allah akan memberi keterangan kepada kamu tentang mereka . . . .”

Kemudian Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā* menyebutkan beberapa perkara yang mereka minta keterangannya, lalu diakhiri dengan firman-Nya:

“*Wa lan tastaṭī‘ū an ta‘dilū bayna al-nisā’i wa law ḥarāṣtum, fa lā tamīlū kulla al-mayli fa tadharūhā ka al-mu‘allaqah...*”

Ertinya: “Dan kamu tidak akan sanggup berlaku adil di antara perempuan-perempuan, sekalipun kamu bersungguh-sungguh

hendak melakukannya, maka janganlah kamu cenderung sehabis-habis cenderung (berat sebelah kepada salah seorang isteri) lalu kamu membiarkan isteri yang lain seolah-olah benda yang tergantung”.

“Dengan kenyataan ini nyatalah bahawa ayat yang kedua bertolong bantu dengan ayat yang pertama untuk menetapkan dasar berbilang isteri dengan kemudahan yang menghapuskan kesukaran daripadanya. Dan di dalam cahaya dasar ini, Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah mengamalkan dasar berbilang isteri, dan sahabat-sahabat serta tabiin telah juga mengamalkan dasar berbilang isteri, dan umat Islam dalam segala zaman dan segenap tingkatan mereka telah mengamalkan dasar berbilang isteri bila sahaja mereka kehendaki, dan mereka memandangnya bersama-sama dengan keadilan yang telah dituntut oleh Allah ‘Azza wa Jalla daripada suami-suami, sebagai satu perbuatan yang baik dari kaum lelaki kepada kaum perempuan, dan satu perbuatan yang baik dari kaum lelaki kepada diri mereka sendiri, dan juga satu perbuatan yang baik kepada umat seluruhnya.”

“Amalan yang sedemikian ini telah berkekalan dilakukan oleh umat Islam sejak empat belas kurun yang lalu, yang di dalamnya telah zahir imam-imam yang mujahid dalam segala negeri-negeri Islam, dan telah disusun dan dikitabkan mazhab-mazhab mereka, dan guru-guru agama telah berkhidmat menyiarannya dan mengajarkannya kepada umat Islam zaman-berzaman, dan kita tidak pernah mendengar daripada seseorang dari kesemua alim ulama dan orang-orang Islam yang lain, yang mengatakan bahawa ayat yang kedua itu memecahkan (membatalkan) atau cuba menyentuh sesuatu daripada apa yang telah ditetapkan oleh ayat yang pertama, tetapi apa yang terkandung di dalam ayat yang kedua itu ialah

penjelasan dan penerangan untuk perkara yang dituntut berlaku adil di dalamnya, iaitu keadilan yang menjadikan rasa takut daripada ketiadaannya (ketiadaan sanggup melakukannya), mewajibkan berpada dengan seorang isteri sahaja.”

“Dalam pada itu, mereka semuanya sedia mengetahui,

bahawa firman Allah Ta‘ālā: “*Fa in khiftum alla ta‘dilū*

*fa wāhidah*” (Dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak

akan sanggup berlaku adil maka hendaklah kamu berpada

dengan seorang isteri), ialah firman yang ditujukan

kepada orang-orang perseorangan dalam perkara yang tidak

diketahui melainkan dari pihak mereka, iaitu mereka

kembali dalam hal perkara itu kepada diri mereka

sendiri, dan mereka berhakim dalam hal yang tersebut

kepada niat dan azam mereka. Perkara itu tidak mempunyai

tanda-tanda yang benar, yang dapat dilihat terus-menerus, atau

yang dapat dilihat pada ghalibnya, yang menjayakan usaha

mengetahuinya dan menimbangkannya termasuk di bawah kuasa

hakim, sehingga menjadikan tanda-tanda yang tersebut mempunyai

hukum di dalam syarak, yang mlarang atau mengharuskannya.

Berapa banyak dari orang-orang perseorangan yang dapat dilihat

dengan tanda-tanda yang menunjukkan dia seorang yang bertabiat

keras dan kasar, kemudian didapati keadaannya dalam

pergaulan atau dalam kehidupan berkelamin, menjadi

contoh yang hidup, tentang baik pergaulannya dan

menjalankan kewajipannya dengan sempurna. Jadi,

seseorang itu, dialah sahaja yang menjadi punca

untuk mengira dan menentukan rasa takutnya daripada

ketiadaan kesanggupannya melakukan keadilan itu,

dan dialah jua yang tertuntut dalam perkara yang hanya

diketahui oleh Allah dan dirinya sendiri, untuk

menjalankan hukum yang sesuai bagi perkara

yang diketahui dari dirinya sendiri. Tidak ada jalan

bagi undang-undang untuk dikenakan kepadanya, dan hal

keadaannya dalam perkara yang demikian itu samalah seperti

perkara-perkara yang diberati (diwajibkan), yang hukum syarak

menjadikan orang Islam menghakimi dirinya sendiri

di dalam perkara itu, seperti tayamum atau berbuka puasa

Ramaḍān jika ia takut menjadi sakit, atau takut

bertambah penyakitnya disebabkan ia menggunakan air atau

berpuasa.”

“Benar, undang-undang negeri ada jalan untuk dikenakan

kepada orang yang berkahwin lagi dengan isteri yang kedua

atau yang ketiga dan telah berlaku zalim terhadap salah

seorang daripada isteri-isterinya, dan si isteri itu

pula telah mengadu kepada hakim akan bahaya yang menimpanya

daripada perbuatan suaminya itu. Pada ketika itu

undang-undang akan masuk campur untuk mlarang dan

memberi amaran, dan kemudian dijalankan tahkim kepada

dua hakim (orang tengah), dan apa yang telah ditetapkan oleh Allah

dari jalan-jalan perdamaian di antara kedua suami isteri,

tetapi apakala perbalahan telah memuncak, dan perbuatan

aniaya berulang-ulang dilakukan (oleh si suami), dan telah

nyata bahawa tidak ada jalan lagi untuk menghapuskannya,

maka kadi (hakim) berhak memutuskan perkahwinan ini

dengan menceraikan keduanya (*tafrīq*). Hal keadaan yang

sedemikian ini telah ditanggung oleh agama Islam dengan

hukum takzir yang telah diperundang-undangkannya menurut beberapa

cara, dan telah ditanggung oleh undang-undang ketika ia

mengambil hukum daripada mazhab Imam Mālik pada menetapkan

dasar perceraian (*taqlīq*) disebabkan perbuatan yang

membahayakan.”

– Bersambung